

TEKS UCAPAN**BRIG. JEN. DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN****NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS****PADA MAJLIS PERASMIAN****LARIAN UTARA****14 SEPTEMBER 2013****DI KAMPUS KUBANG GAJAH**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera
dan Salam Satu Malaysia

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI RASMI

Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal,
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan, Timbalan
Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Timbalan
Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan UniMAP,

Yang Berusaha Prof. Madya Razli Ahmad

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Wakil-wakil media

Seterusnya para peserta Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao, Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai).

KATA ALUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya, dapat kita bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini dalam Program Larian Utara UniMAP, sempena Konvokesyen Ke-8 UniMAP.
2. Di kesempatan ini ingin saya merakamkan setinggi- tinggi tahniah kepada Barisan Jawatankuasa Pelaksana Larian Utara UniMAP 2013, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) dan Pusat Sukan UniMAP yang telah bertungkus lumus memastikan kelancaran perjalanan program tahunan

UniMAP ini. Sesungguhnya hanya Allah yang dapat membala jasa baik tuan-tuan semua.

3. Tidak dilupakan juga ribuan terima kasih saya ucapkan kepada UTUSAN MELAYU (M) SDN. BHD di atas kesudian menjadi rakan media Larian Utara UniMAP 2013 pada kali ini.

Hadirin dan hadirat sekalian

LARIAN UTARA UniMAP

4. Untuk makluman semua, program Larian Utara 2013 UniMAP merupakan anjuran kali kedua UniMAP dengan kerjasama UTUSAN MELAYU (M) SDN. BHD. Program ini juga bertujuan mempromosikan Festival Konvokesyen ke-8 UniMAP yang akan berlangsung pada 17 hingga 22 September 2013 ini,
5. Selain itu, Program larian Utara edisi ke-2 ini diadakan bagi merapatkan hubungan antara penduduk Perlis khasnya dengan pelajar-pelajar UniMAP. Selain itu, ia juga dapat menghimpun pelbagai lapisan masyarakat di suatu tempat bagi melakukan aktiviti riadah dan sukan bersama.
6. Saya difahamkan pada kali ini kita menawarkan enam kategori iaitu Terbuka, Terbuka IPTA/ IPTS, Tertutup Staff, Pelajar, Sekolah Menengah dan Master (Veteran).

7. Dengan jumlah penyertaan yang lebih ramai berbanding tahun lalu, ini membuktikan bahawa masyarakat kita semakin sedar tentang kepentingan mengamalkan gaya hidup sihat.
8. Di UniMAP sendiri, kita menggalakkan semua warganya mengamalkan gaya hidup sihat dengan mengadakan program senamrobik dan perjumpaan bersama Naib Canselor setiap minggu. Program yang diadakan seminggu sekali ini bukan sahaja akan menyihatkan badan malah sebagai medan untuk semua staff berkongsi maklumat dan pengetahuan akan isu-isu terkini yang berlaku di UniMAP.

Hadirin dan hadirat sekalian

PENUTUP

9. Di kesempatan ini, sekali lagi dengan tulus ikhlas, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat di atas sokongan yang berterusan dalam menjayakan kejohanan ini. Sesungguhnya saya amat mengharapkan kerjasama ini dapat ditingkatkan lagi di masa-masa akan datang. Insya Allah.
10. Sebelum mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya dengan rendah diri ingin memohon seribu kemaafan sekiranya terdapat sebarang kekurangan dari pihak kami sepanjang program ini berlangsung. Insya Allah segala

kekurangan ini akan dibaiki di masa akan datang untuk pengajuran yang lebih baik.

11. Rasanya, cukuplah sampai di sini ucapan saya pada hari ini, sekali lagi tahniah dan syabas saya ucapkan kepada yang berjaya dan kepada yang tidak berjaya, jangan putus asa. Cuba lagi pada Program Larian Utara tahun hadapan.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahiwrarakatuh.